



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTthem)**
www.jthem.com



**FAKTOR-FAKTOR GELANDANGAN DI BANDAR RAYA
KUALA LUMPUR: ANTARA ADVOKASI VERSUS PARADOKS**

*FACTORS OF HOMELESSNESS IN KUALA LUMPUR CITY: ADVOCACY
VERSUS PARADOX*

Junaidi Abu Bakar^{1*}, Norazlan Hadi Yaacob², Suharmili Rosle³

- ¹ Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia.
Email: jun@upsi.edu.my
- ² Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Email: norazlan@fsk.upsi.edu.my
- ³ Jabatan Komunikasi Komuniti, Jabatan Perdana Menteri
Email: suharmili218@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

To cite this document:

Abu Bakar, J., Yaacob, N. H., & Rosle, S. (2021). Faktor-Faktor Gelandangan Di Bandar Raya Kuala Lumpur: Antara Advokasi Versus Paradoks. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 103-118.

DOI: 10.35631/JTthem.625009.

This work is licensed under **CC BY 4.0**



Abstrak:

Kajian ini menilai sejauh manakah kesahihan advokasi-advokasi oleh pelbagai pihak mengenai faktor-faktor yang membawa kepada masalah gelandangan di Malaysia. Penilaian ini dibuat berdasarkan kajian lapangan, penyertaan sosial dan temubual intensif dengan individu-individu gelandangan di lokasi-lokasi (hot spots) seperti di Bandar Raya Kuala Lumpur. Kajian ini menolak advokasi-advokasi lazim yang menyatakan bahawa faktor-faktor gelandangan di Malaysia berpunca dari faktor ekonomi seperti sewa kediaman yang mahal, kesukaran mendapat pekerjaan serta bayaran gaji yang murah. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama yang menghasilkan gejala gelandangan di Malaysia adalah disebabkan oleh masalah mental. Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada pelbagai pihak bahawa usaha untuk menangani masalah gelandangan di Bandar Raya Kuala Lumpur tidak harus menggunakan pendekatan ekonomistik semata-mata, sebaliknya ia harus ditangani melalui pendekatan psikologi-sosiobudaya.

Kata Kunci:

Gelandangan, Advokasi, Ekonomistik, Masalah Mental

Abstract:

This study assessed the advocacies by various parties on the factors that lead to the emergence of homelessness symptoms in Malaysia. The present study was on field observations, social participation, and intensive interviews with the homeless (hot sports location) in Kuala Lumpur. This study contradicted the common advocacies that the factors of homelessness in Malaysia are due to economic problems such as costly rental for a house, difficulty in employment, and underpaid. On the other hand, the findings obtained from this study showed that the fundamental factor that produced the symptoms of homelessness in Malaysia was mental health. Accordingly, the purpose of this study is to raise awareness among parties that efforts to determine the root cause of homelessness in the city should not only involve an economic approach but should be based on a sociocultural-psychology technique instead.

Keywords:

Homelessness, Advocacy, Economics, Mental Health

Pengenalan

Isu gelandangan telah menjadi masalah sosial yang perlu diberi tumpuan oleh pihak berwajib, pelaksana dan para penyelidik sains sosial. Terdapat beberapa faktor yang memacu kepada peningkatan golongan ini. Dalam teori ekologi dan teori keperluan Maslow, faktor persekitaran memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi individu. Farah Wahida et al. (2018) menyatakan bahawa faktor berlakunya masalah gelandangan bukan hanya berpunca dari satu sebab tertentu sahaja, tetapi ia berkait rapat dengan faktor berangkai sehingga boleh menyebabkan peningkatan masalah mental atau masalah kesihatan akibat dari hidup di jalanan. Yani et al. (2016) menyatakan faktor kewujudan gelandangan adalah berpunca dari institusi kekeluargaan yang tidak terurus, kehilangan pekerjaan, kehilangan kediaman, kemiskinan dan masalah moral. Hal ini kerana manusia memerlukan kepada sokongan sosial seperti keluarga, rakan-rakan dan institusi sosial yang lain. Oria et al. (2014) menyatakan majoriti gelandangan terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pendapatan, manakala sebahagian yang lain bekerja dengan bayaran yang rendah. Namun begitu, Ismail & Turiman (2016) mendapati golongan ini sengaja memilih tidur di jalanan atas dasar penjimatan, mengurangkan beban komitmen serta kewujudan tempat untuk berehat pada waktu malam. Hal ini membuktikan bahawa kewujudan golongan ini berpunca dari dua faktor utama iaitu ekonomi dan kesihatan mental. Mereka dibelenggu masalah kewangan, gaya pemikiran serta keperibadian.

Selain faktor-faktor di atas, terdapat juga advokasi daripada pelbagai pihak terutamanya para sukarelawan, pekerja-sosial, para penyelidik, parti-parti politik dan agensi-agensi kerajaan yang meletakkan faktor-faktor seperti sewa tempat kediaman yang mahal, ketiadaan peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi adalah penyebab paling utama gelandangan di Malaysia. Justeru, kajian ini menilai sejauh manakah kebenaran advokasi-advokasi tersebut. Selain itu, kajian ini menggarap dapatan kajian dalam bentuk tinjauan lapangan, penyertaan sosial dan maklumat-maklumat temubual intensif dengan gelandangan berkenaan.

Persoalan Kajian

Berdasarkan faktor-faktor di atas, golongan gelandangan boleh dikategorikan sebagai mengalami masalah dari sudut material dan mental. Selain mempunyai masalah kewangan, mereka juga mempunyai gangguan jiwa yang menyebabkan mereka berasa selesa dengan gaya kehidupan sedemikian. Secara tidak langsung, mereka dipandang negatif akibat dari gaya hidup sedemikian. Belunggu pemikiran ini perlu dipulihkan untuk mengatasi masalah gelandangan di Malaysia. Secara lebih perinci, kajian ini menilai:

1. adakah advokasi-advokasi oleh pelbagai pihak itu selari dengan realiti sebenar?
2. apakah faktor utama yang menghasilkan gejala gelandangan di negara ini?
3. keberkesanan kaedah atau pendekatan yang telah dan sedang digunakan oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah gelandangan di negara ini.
4. apakah pendekatan atau kaedah yang paling sesuai untuk digunakan bagi menangani masalah ini di Malaysia?

Objektif

Kajian ini diharapkan dapat memberi penjelasan kepada pihak-pihak penggubal dasar, pelaksana pembangunan dan badan-badan NGO yang terlibat untuk menangani masalah gelandangan di negara melalui pendekatan yang sesuai. Antara objektif kajian ini adalah:

- 1) mengkaji kesahihan advokasi-advokasi oleh pelbagai pihak
- 2) mengkaji faktor utama yang menghasilkan gejala gelandangan di negara ini.
- 3) Mengenalpasti keberkesanan kaedah atau pendekatan yang telah dan sedang digunakan oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah gelandangan di negara ini.
- 4) Mengenalpasti pendekatan atau kaedah yang paling sesuai untuk digunakan bagi menangani masalah gelandangan di Malaysia

Sorotan Literatur

Seiring dengan pembangunan fasiliti yang lengkap dan tahap ekonomi yang semakin berkembang, bandar-bandar di Malaysia menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat untuk merebut peluang ekonomi, pendidikan mahupun kehidupan sosial yang lebih terjamin. Walaubagaimanapun, akibat dari tahap pendidikan yang rendah, tempat tinggal dan peluang ekonomi yang terhad telah menyebabkan segelintir penghuni bandar telah tersisih daripada pembangunan arus perdana (Farah Wahida et al., 2018). Arus pembangunan telah memberi kesan kepada kos sara hidup yang tinggi (Muhammad Faheem & Muhammad Idris, 2017). Hal ini telah menyumbang kepada peningkatan jumlah miskin bandar. Menurut Nanang (2011), kemiskinan adalah salah satu punca impak sosial pembangunan yang dapat menyebabkan ketimpangan pendapatan antara penduduk.

Berbeza dengan Indonesia, negara Malaysia tidak mempunyai definisi yang rasmi berkaitan dengan gelandangan, tetapi golongan ini dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan diletakkan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977. Akta Orang-Orang Papa (1977) (Akta 183) menyatakan bahawa semua orang yang berpelesenan, mengemis dan berada di tempat-tempat awam yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna dan tiada pendapatan yang memuaskan dalam kehidupan (Mohd Faheem & Mohd Idris 2017).

Masalah gelandangan ini telah menarik perhatian ramai dan para sarjana kerana impaknya yang begitu besar terhadap sosial dan isu kelestarian bandar serta komuniti setempat (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah, 2017). Golongan gelandangan ini wujud akibat tiada pekerjaan, mempunyai masalah keluarga, ketagihan alkohol, tidak mendapat bantuan dan tidak mahu bekerja (Krajweska-Kulak E. et al., 2016). Selain itu, kebanyakan gelandangan terbelenggu dalam masalah kemiskinan kerana tidak dapat mencari pendapatan yang sesuai dengan kemahiran yang mereka miliki (Farah Wahida et al., 2018). Mereka juga termasuk dalam kategori penduduk kota yang paling miskin dan tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap (Rafiza, 2015).

Kajian oleh Farrah dan Faudziah (2015) mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada masalah gelandangan adalah pengabaian keluarga, sejarah sebagai banduan, ketagihan dadah dan bankrap. Kaum lelaki lebih ramai menjadi gelandangan berbanding wanita (Nor Amalina et al., 2016). Inga (2016) melaporkan kebanyakan wanita yang menjadi gelandangan disebabkan oleh masalah ekonomi, pendapatan yang tidak mencukupi, tiada pekerjaan, mempunyai masalah kesihatan, berhutang dan aset disita. Laporan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015) mencatatkan jumlah gelandangan yang paling tinggi adalah di kalangan orang Melayu iaitu 615 orang, diikuti bukan warganegara iaitu seramai 412 orang dan India seramai 236 orang.

Pada masa kini, 'trend' gelandangan tidak lagi menjadi suatu perkara yang mengaibkan bagi golongan ini. Hal ini berdasarkan kajian dari tahun 2015-2017 oleh Farah Wahida et al. (2018) terhadap pemilik premis, sukarelawan dan peniaga di sekitar tempat mereka tidur; seolah-olah mereka tidak mendapat sebarang masalah sepanjang malam. Kajian oleh Lukman dan Asyikin (2016) mendapati gelandangan adalah mangsa pelabelan sosial (*social labelling*). Golongan ini tidak melihat perlakuan mereka sebagai satu kesalahan atau mencemarkan imej negara, tetapi terdapat kelompok masyarakat yang melabelkan perlakuan mereka itu.

Pada tahun 2016, negeri yang paling tinggi mempunyai gelandangan berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Ketiga-tiga negeri menjadi pilihan gelandangan untuk berhijrah dari kampung ke bandar dengan tujuan memulakan kehidupan baharu dan mendapatkan pekerjaan (Farah Wahida et al., 2018). Namun, keadaan mereka menjadi bertambah teruk apabila gagal mendapatkan sebarang pekerjaan untuk menampung kehidupan serta hilang tempat untuk bergantung (Rafiza, 2015).

Kini, isu gelandangan telah menjadi satu masalah nasional sejak pandemik Covid-19 menular. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 telah menyumbang kepada peningkatan bilangan gelandangan. Kuala Lumpur telah mencatatkan jumlah gelandangan tertinggi iaitu 50 peratus daripada 1283 gelandangan, diikuti oleh Johor iaitu 20 peratus dan Sarawak seramai 145 orang (Berita RTM, 2020). Kebanyakan golongan ini berhijrah dari luar Kuala Lumpur tetapi gagal mencari pekerjaan dan hilang sumber pendapatan yang akhirnya mereka terpaksa hidup sebagai gelandangan (Siti Haliza, 2021). Walaubagaimanapun, jumlah gelandangan dari luar bandar hanya sekitar lima hingga tujuh peratus berbanding warga kota. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Nation of Women National menganggarkan warga kota yang menjadi gelandangan meningkat sebanyak 20 hingga 30 peratus. Pada Julai 2020, Menteri

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun dalam jawapan lisan di Dewan Rakyat memberitahu, sebanyak 23 pusat transit gelandangan telah pun dibuka terutama di kawasan bandar raya dengan 87 peratus penghuninya adalah lelaki (Muhamad Amnan, 2021). Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) turut menempatkan lebih 500 gelandangan di dewan serba guna dan pusat komuniti (Wong, 2020). Sementara itu, kira-kira 800 warga gelandangan yang berada di pusat penempatan sementara sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) akan ditawarkan peluang pekerjaan. Mereka akan disaring dari aspek sihat tubuh badan dan berkeupayaan untuk bekerja sebelum diberi latihan dan peluang pekerjaan (Bernama, 2020).

Di Kuala Lumpur, kerajaan telah menubuhkan Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial yang membantu golongan gelandangan yang berpotensi untuk berubah. Penekanan dalam aspek kaunseling, bimbingan dan motivasi telah dilaksanakan bagi meningkatkan daya tahan serta mengubah sikap dan tingkah laku mereka (Johari, 2020). Isu gelandangan ini sekiranya tidak ditangani secara holistik boleh menyebabkan masalah sosial yang mengganggu ekologi komuniti dan masyarakat. Wan Nor Azriyati et al., 2011 menegaskan bahawa isu-isu golongan miskin di bandar ini perlu ditangani dengan lebih serius kerana 60 peratus daripada penduduk negara tinggal di kawasan bandar. Trend ini boleh memberikan deskripsi yang negatif terhadap masa depan negara khususnya dalam aspek ekonomi, politik dan sosial.

Metodologi

Sumber mengenai advokasi-advokasi pelbagai pihak mengenai faktor-faktor gelandangan di Malaysia dalam makalah ini diperoleh dari tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh para juru cakap NGO sukarelawan (badan bukan-kerajaan) yang memberi bantuan kepada golongan berkenaan, pekerja-sosial (social-workers), penyelidik, parti-parti politik, dan agensi-agensi kerajaan.

Selanjutnya, sumber mengenai realiti sebenar faktor-faktor gelandangan pula adalah diperoleh dari temubual intensif dengan individu-individu gelandang sendiri dan observasi lapangan (pengamatan terhadap individu-individu gelandang) serta partisipasi dalam kehidupan golongan tersebut. Lokasi-lokasi kajian adalah di kawasan 'Hot Spot' gelandangan di Kuala Lumpur, iaitu Mydin Kotaraya; Masjid Negara; Central Market; Menara Maybank; Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), Jalan Silang, Masjid Jamek, Bank Negara, Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka. Kajian lapangan ini dijalankan sepanjang hujung minggu dari bulan Januari 2014 hingga bulan Mac 2014.

Makalah ini menggunakan pendekatan Fenomenologi. Kewajaran menggunakan pendekatan ini kerana ia dapat menyediakan premis atau landasan untuk memperkatakan faktor-faktor gelandangan berasaskan realiti sebenar, iaitu seperti adanya tanpa *ex-parte* (sebelah pihak). Ini kerana Fenomenologi adalah satu pendekatan yang tidak didahului dengan teori atau rangka konseptual. Sebaliknya, ia didahului dengan penukilan fakta-fakta sebenar yang diperoleh secara langsung dari kerja lapangan. Daripada analisis dan konfigurasi fakta-fakta itu akan menghasilkan sesuatu teori atau kerangka konseptual.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Advokasi-Advokasi Faktor-Faktor Gelandangan

Antara advokasi-advokasi yang dapat ditemui dalam wacana-wacana kontemporari mengenai gelandangan di Malaysia adalah seperti berikut: Sebuah NGO yang diberikan nama Food not Bombs,ⁱ dalam terbitannya bagi bulan April 2014, menyatakan:

- 1) Homelessness is indicative of social and economic problems in our society, not personal or moral problems in individual people
- 2) People staying on the streets have rights, needs, and interests that must be defended.
- 3) Communities have the power to come together and craft their own solutions to the problems.

Ketua Pertiwi Soup Kitchen, sebuah NGO yang memberi bantuan kepada golongan gelandang di Bandar Raya Kuala Lumpur, menyatakan bahawa:

Charity groups insist that the number of homeless people has been increasing due to rapid population growth, lack of jobs and high cost of living, and lament that shelters for them are severely limited.

Malaysia's economy grew 5.6 per cent in 2012. National inflation spiked from 2.6 per cent last October to 3.5 per cent in April this year.

The jobless situation, particularly for the unskilled, has been aggravated by the influx of unskilled foreign workers, who are paid lower wages.

Population growth is too great, and most of the homeless and urban poor just don't have the basic skills and they don't know how to be presentable.

(The Straits Times, bahagian Asia Report, 8 Jun 2014).

Koordinator Dapur Jalanan, sebuah NGO yang berkait rapat dengan sebuah parti politik, menyatakan warga miskin Kuala Lumpur telah wujud sejak tahun-tahun 1960-an lagi, namun keadaannya semakin parah kerana faktor kos kehidupan yang semakin meningkat. Dari dahulu warga ini sudah ada, namun yang menjadi bertambah adalah disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi. Gaji tidak cukup, tahun depan ada GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) pula.

(Temubual Koordinator Dapur Jalanan, 2014)

Bayangkan gaji RM600, nak sewa bilik dekat KL sekarang pun lebih mahal. Nak makan lagi dan ini adalah faktor kenapa mereka tinggal di jalanan.

(Keadilan Daily, 15 Julai, 2014-dimuat-turun pada 2 September 2014)

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang melakukan kajian pada tahun 2014 merumuskan bahawa faktor-faktor yang mewujudkan kelompok-kelompok gelandang di Bandar Raya Kuala Lumpur adalah seperti berikut:ⁱⁱ 1) Tiada pekerjaan; 2) Miskin; 3) Masalah Mental/kemurungan, 4) Mengalami penyakit melarat; 5) Warga asing yang tidak ada pekerjaan; 6) Ketidakupayaan mengurus diri; 7) Ditinggalkan keluarga, 8) Penagihan dadah/arak, 9) Bekas banduan; dan 10) Warga Emas.

Pada tahun 2013, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuat kajian profil ke atas 1,387 orang gelandang di Kuala Lumpur untuk mendapat gambaran sebenar mengenai isu, dan seterusnya merancang untuk mengadakan tindakan-tindakan yang sesuai bagi membantu orang gelandang. Kajian tersebut merumuskan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan seseorang individu bergelandangan adalah seperti diberikan dalam JADUAL 1.

Jadual 1: Faktor-faktor Orang gelandang di Kuala Lumpur, daripada 1,387 orang, oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2013.

FAKTOR-FAKTOR	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ketiadaan pekerjaan	646	46.6
Miskin kerana tua dan sebatang kara	145	10.
Pengabaian keluarga dan masyarakat	61	4.4
Masalah mental	30	2.2
Tiada tempat tinggal	27	1.9
Ketidakupayaan fizikal	15	1.1
Masalah keluarga	8	0.6
Pengagihan arak	7	0.5
Ketidakpenerimaan keluarga	3	0.2
Miskin kerana berpendapatan rendah	245	17.7
Penagihan dadah	66	4.8
Miskin dan tua	50	3.6
Sakit melarat	29	2.1
Bekas banduan	16	1.2
Lari dari rumah	14	1.0
Kemurungan	7	0.5
Warga asing terdampar	5	0.4
Tidak dapat dikenal pasti	13	1.0

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013.

Dalam ruangan makalah ini yang terbatas ini, kenyataan-kenyataan di atas memadai untuk merepresentasi advokasi-advokasi pelbagai pihak mengenai faktor-faktor gelandangan Malaysia dewasa ini. Seterusnya, untuk memperoleh gambaran yang lebih seimbang, diperturunkan maklumat-maklumat yang diberikan oleh individu-individu gelandang sendiri mengenai faktor-faktor kenapa mereka bergelandangan. Maklumat-maklumat tersebut diperoleh dari temubual secara intensif dengan individu-individu gelandang di hot-spots gelandangan di Bandar Raya Kuala Lumpur. Mereka menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan mereka bergelandangan adalah kerana:

- Sewa bilik@rumah mahal
- Gaji sangat murah; sedangkan kos sara hidup seperti sewa tempat tinggal, bil elektrik dan air, makan-minum dan tambang pengangkutan di bandar raya-bandar raya sangat tinggi dan semakin tinggi
- Gagal mendapat kerja dengan gaji yang mencukupi untuk membayar kos hidup itu
- Tidak dapat kerja — kerana adanya stigma negatif mengenai mereka dalam minda majikan

- Mangsa kejahatan dan kekerasan pihak-pihak tertentu
- Ditipu oleh majikan
- Ditipu rakan sekerja dan perkongsian peniagaan
- Terkandas/Tidak dapat pulang ke kampung halaman kerana kehilangan wang atau akibat ditipu oleh orang-orang tertentu
- Gagal dalam perniagaan
- Warga emas ditinggalkan oleh keluarga mereka — dan mereka merupakan gelandangan tua yang tidak dapat mencari rumah kebajikan yang mahu menerima mereka .

Demikianlah beberapa advokasi mengenai faktor-faktor gelandangan. Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya advokasi-advokasi oleh pelbagai pihak meletakkan permasalahan-permasalahan bersifat ekonomistik sebagai tunjang faktor-faktor gelandangan di negara ini. Sejauh manakah advokasi-advokasi ini membawa kebenaran?

Paradoks

Pelbagai advokasi yang meletakkan ekonomi sebagai faktor gelandangan di Malaysia menimbulkan beberapa paradoks. Misalnya, kekurangan tempat tinggal ekoran daripada pertambahan penduduk, kenaikan kos kehidupan, tidak ada peluang pekerjaan, sewa tempat penginapan (bilik/rumah) yang tinggi dan pendapatan/gaji yang rendah bukanlah dihadapi oleh mereka saja, sebaliknya, sebahagian besar warganegara Malaysia yang menjadi warga Bandar Raya Kuala Lumpur menghadapi masalah sama. Namun kenapa sebahagian besar masyarakat yang menghadapi masalah sama tidak menjadi orang gelandangan?. Kenyataan realiti ini sudah pun memadai untuk memberi gambaran bahawa faktor-faktor ekonomi itu tidak sepatutnya dianggap faktor-faktor yang menyebabkan seseorang individu terpaksa bergelandangan.

Apabila diperhalusi berasaskan realiti sebenar, akan didapati faktor gelandangan di bandar utama di Malaysia kenyataan-kenyataan yang menyatakan berdasarkan realiti ini maka pastilah terdapat faktor lain yang lebih penting daripada faktor-faktor ekonomi seperti yang sering diberikan dalam pelbagai advokasi itu.

Realiti Sebenar Faktor-Faktor Menjadi Gelandangan Di Malaysia

Hasil daripada kajian lapangan yang dilakukan di Bandar Raya Kuala Lumpur sepanjang hujung minggu dari bulan Januari 2014 hingga bulan Mac 2014 menunjukkan bahawa secara amnya faktor-faktor yang menyebabkan individu-individu menjadi orang gelandangan di Malaysia adalah terbahagi kepada dua bentuk, iaitu faktor *persekitaran* dan faktor *dalam diri* individu-individu gelandang itu.

Faktor-faktor *persekitaran* bermaksud faktor-faktor di luar diri individu-individu gelandang. Ini termasuk kewujudan dan keadaan persekitaran bandar raya. Dari sudut *persekitaran*, faktor yang menyebabkan wujudnya gelandangan bandar raya adalah kerana wujudnya Bandar Raya Kuala Lumpur itu sendiri. Secara harafiahnya, sekiranya tidak wujud Bandar Raya Kuala Lumpur maka tidaklah wujud gelandangan Bandar Raya itu. Walau bagaimanapun, secara lebih substantif, kewujudan bandar sebagai salah satu faktor utama yang menyebabkan wujudnya gelandangan bandar adalah kerana bandar, terutamanya bandar besar dan bersifat kosmopolitan seperti Kuala Lumpur dan Georgetown, mempunyai ruang fizikal (*spatial/space*) untuk sesiapa yang mahu tidur di mana-mana tempat yang mereka suka tanpa gangguan (atau

gangguan pada paras minimum) berbanding dengan di tempat-tempat lain, terutamanya di kampung halaman sendiri. Berbanding dengan di tempat-tempat lain, di Bandar Raya Kuala Lumpur tidak ada pihak yang melarang atau menyekat kegiatan-kegiatan yang mereka mahu lakukan kerana penghuni/warga kota masing-masing sibuk dengan urusan sendiri, kurang sifat kecaknaan/keperdulian, kurang menjaga tepi kain orang; warga kota terlalu sibuk untuk mengambil peduli hal-hal begini.

Di samping itu, bandar menyediakan saluran untuk mereka memperoleh makan-minum dengan cara agak mudah secara bandingannya. Mereka hanya perlu 'menjual' sedikit belas-kesian dan maruah mereka di tepi-tepi laluan ramai sama ada dengan meminta sedekah atau memintaminta makanan Di bandar juga terdapat kemudahan-kemudahan untuk mendapat keperluan-keperluan lain seperti punca air (di rumah-rumah ibadat atau restoran). Di bandar juga mereka mudah memperoleh bantuan dari pelbagai pihak seperti NGO yang mengadakan Dapur Jalanan.

Faktor-faktor *dalam diri* bermaksud faktor-faktor psikologikal iaitu unsur-unsur yang wujud (embedded) dalam diri individu-individu gelandang. Unsur-unsur tersebut terdiri daripada emosi, pemikiran, kognisi, dorongan dan kehendak.

Kajian ini mendapati, dari sudut *dalam diri*, hampir satu-satunya faktor kenapa individu-individu berkenaan menjadi orang gelandang adalah kerana mereka mengalami masalah mental (*schizophrenia*?). Hujah ini diasaskan kepada simpton-simpton berikut:

- 1) Pemikiran, perlakuan, nilai dan etos individu-individu gelandang tidak terikat atau tidak dijustifikasikan berasaskan norma-norma kehidupan manusia normal. Ini termasuk tidak mempunyai perasaan malu atau segan-silu untuk meminta-minta makan-minum, malah, tidak segan-silu untuk mengutip sisa-sisa makanan dari tempat-tempat buang sampah untuk dimakan; dan tindakan-tindakan lain yang tidak bersesuaian adat susila manusia normal; sebaliknya, mereka merasakan norma dan tatasusila kehidupan normal sebagai sesuatu sesuatu yang sangat membebankan mereka;
- 2) Tergamak tinggal dan tidur di tempat yang tidak manusiawi;
- 3) Tidak mempunyai *interpersonal bond* yang menjadi penghubung antara mereka dengan keluarga, masyarakat dan lingkungan kehidupan mereka;
- 4) Berlaku *emotional withdrawal* iaitu tindakan menarik diri dari melakukan komitmen;
- 5) Kebersihan diri amat buruk, tidak menghiraukan keadaan tubuh badan, malah, ada yang tidur bergelimpangan dengan najis manusia;
- 6) Bercakap sesuka hati;
- 7) Mempunyai komplikasi dari segi ingatan mengenai keluarga dan masyarakat;
- 8) Perlakuan merusak diri sendiri;
- 9) Berperangai bebas, liar dan kurang senonoh;
- 10) Tidak memiliki pengenalan diri atau rekod peribadi, termasuk latar belakang pekerjaan seperti tempat, tempoh bekerja dan tempoh tidak bekerja terakhir;
- 11) Hampir segala perkara untuk menjalinkan hubungan dengan pihak-pihak lain dibaluti oleh perasaan curiga yang keterlaluan, malah, mencurigai apa sahaja dan sesiapa sahaja sebagai anasir-ansir yang akan membawa keburukan ke atas diri mereka;
- 12) Sentiasa dalam keadaan kurang sihat;
- 13) Berserah kepada nasib dan keadaan tetapi sering pula menyalahkan nasib dan keadaan;
- 14) Tidak mempunyai daya juang untuk berdikari;

- 15) Menolak perubahan;
- 16) Bertabiat suka merayau dan berpeleseran;
- 17) Kepercayaan terhadap unsur-unsur ketuhanan agak rendah;
- 18) Sentiasa berubah-ubah sikap;
- 19) Nilai kekeluargaan rendah;
- 20) Menjaga harga diri harga rendah; dan
- 21) Pandangan dunia yang sangat negatif.

Hujah untuk menyatakan hampir satu-satunya faktor gelandangan berpunca daripada masalah mental dapat dibuktikan dengan jelas dan kukuh dengan membuat analisis terhadap orang-orang gelandang dalam kalangan orang Melayu. Secara umumnya, orang gelandang dalam kalangan orang Melayu tidak solat dan tidak puasa, hilang deria malu, sentiasa mengeluh-nyeluh dan menyalahkan nasib dan keadaan, dan hilang kefungsi keluarga. Berasaskan etos Melayu, secara normatifnya, orang-orang seperti itu diklasifikasikan sebagai 'manusia tidak normal.' Kayu-ukur dalam kalangan orang Melayu untuk menentu kewarasan dan kesempurnaan fikiran dan tingkah-laku seseorang adalah diasaskan kepada penghayatan dan amalan Islam.

Selain itu, sebagai penganut agama Islam, sepatutnya tidak ada orang Melayu yang merempat dan bergelandangan kerana dalam ajaran Islam terdapat mekanisme dalaman secara khas untuk mengenyahkan timbulnya gejala tersebut. Kesemua mekanisme tersebut wujud di Malaysia, termasuk kewajiban membayar zakat dan penubuhan Baitulmal. Mekanisme-mekanisme ini telah dan sedang membantu orang-orang dalam keadaan kesukaran secara konsisten. Oleh itu, tidak ada sebab untuk orang Melayu menjadi orang gelandang selain daripada kerana mereka mengalami masalah mental.

Bukti-bukti praktikal bagi menunjukkan faktor-faktor gelandangan dalam konteks Malaysia adalah berpunca daripada masalah mental dapat dilihat serta merta pada dua hakikat: Pertama, segala usaha rehabilitasi ke atas mereka hampir gagal kesemuanya. Kedua, terdapat pelbagai pihak yang mengadakan usaha untuk memberi mereka kerja namun masih tidak membantu individu-individu gelandang mengekalkan penerusan bekerja.

Terdapat pelbagai pihak yang telah dan sedang berusaha membantu mereka, antaranya Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Kementerian Wanita, Masyarakat dan Kebajikan (KWNJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Belia dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan pelbagai NGO. Pihak-pihak ini berusaha membantu lebih daripada sekadar memberi makan-minum. Mereka menawarkan juga perkhidmatan asas kaunseling, kaunseling pekerjaan dan rujukan, bantuan untuk berhubung dengan keluarga dan masyarakat, nasihat dan bantuan guaman, perkhidmatan bantuan kecemasan dan bantuan perubatan, malah, berusaha mendapatkan peluang pekerjaan untuk mereka. Misalnya, Anjung Singgah telah dan sedang menjalankan program-program berikut:

1. Menyediakan makanan yang berkhasiat secara percuma dan pihak NGO juga dialu-alukan untuk menyumbang makanan di pusat pengumpulan golongan tersebut;
2. Menyediakan tempat rehat dan tidur bagi memberikan keselesaan dan keselamatan kepada golongan ini;

3. Menyediakan pusat rawatan kesihatan bagi memastikan tiada masalah penyakit berjangkit akan tersebar oleh golongan ini;
4. Menyediakan pusat pendaftaran bersepadu yang akan merekod perihal golongan ini dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk maklumat diri, waris dan sebagainya;
5. Menyediakan kemudahan riadah, mendobi pakaian dan sebagainya untuk kesihatan dan kekemasan diri.

Dari segi pekerjaan, pelbagai pihak telah dan sedang menawarkan pekerjaan kepada mereka di dalam pelbagai sektor, termasuk perladangan, pengeluaran dan restoran namun masih belum dapat menyelesaikan mereka. Walau bagaimanapun, usaha-usaha masih tidak memberi kesan ke atas golongan tersebut. Misalnya, Program Jabatan Tenaga Kerja dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberikan golongan itu kerja tidak mendapat sambutan seperti diharapkan apabila kebanyakan mereka kembali kepada keadaan asal selepas beberapa hari bekerja. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Datuk Sheikh Yahya Sheikh Mohamed, berkata melalui program pendaftaran dan penempatan golongan gelandangan dan pencari kerja yang dijalankan bermula 22 Februari hingga 20 April 2010, ada 137 golongan gelandangan mendaftar. Daripada jumlah itu, 41 orang berjaya diberikan pekerjaan dan selebihnya masih menganggur. Daripada 41 orang yang berjaya mendapat kerja itu pula, 20 saja yang kekal dan jumlah selebihnya melarikan diri atas sebab tertentu, termasuk mendakwa tidak sesuai dengan pekerjaan ditawarkan.

Hampir kesemua usaha yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak masih tidak dapat membantu golongan tersebut menjalani kehidupan normal atau berada dalam masyarakat arus perdana. Dari kajian yang dilakukan, orang gelandangan tidak mengharapakan perkara yang besar berlaku dalam hidup mereka. Apa yang mereka mahu hanyalah untuk terus hidup dalam keadaan murung, merayau dan berpelesenan tidur di merata tempat.

Proses Pembentukan Gelandangan Bandar Di Malaysia (Kes di Kuala Lumpur)

Berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan, diujahkan bahawa di dasar kemunculan gelandangan di Malaysia adalah faktor masalah mental. Masalah ini menjadi asas yang menerbitkan masalah-masalah lain. Secara skematik, proses pembentukan gelandangan dalam konteks Malaysia berlaku dalam empat tahap berikut: 1) Ia bertitik-tolak dari masalah mental; implikasi daripada masalah mental menyebabkan mereka tidak ada pekerjaan (tidak diberi peluang kerja), sekiranya ada yang bekerja namun dengan gaji yang rendah + ahli keluarga dan masyarakat meminggirkan mereka; → 2) Ekoran daripada masalah pekerjaan dan keluarga serta masyarakat itu menyebabkan mereka menjadi miskin + tidak mempunyai ahli keluarga atau sekiranya ada ahli keluarga tetapi tidak membantu mereka + bandar menyediakan ruangan untuk mereka tidur dan agak mendapat makan-minum berbanding dengan di kampung + kos sara hidup di bandar, termasuk sewa tempat tinggal, tinggi + segala bantuan oleh pelbagai pihak tidak memberi kesan signifikan; dan → 4) akhir sekali muncullah “Gelandangan Di Bandar”.

Hakikat ‘orang gelandang’ sebagai individu atau kumpulan individu yang mengalami kehilangan fungsi dalam keluarga dan masyarakat itu adalah selari dengan definisi ‘orang berpelesenan’ seperti diberikan dalam Artikel 2, *Akta Orang-Orang Papa 1977*. Artikel tersebut menyatakan “orang berpelesenan adalah orang yang tidak dapat menyatakan hal

dirinya dengan memuaskan.” Ungkapan “yang” dalam dalam konteks ayat ini adalah merujuk individu atau kumpulan individu berkenaan. Manakala frasa “tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan” membawa sekurang-kurangnya dua maksud: Pertama, kehilangan akal atau kewarasan sehingga tidak mengetahui atau tidak menjelaskan kedudukan diri dalam keluarga dan masyarakat; dan kedua, sama ada tidak mempunyai keluarga ataupun berada di luar norma-norma kemasyarakatan. Pada hakikatnya, orang gelandang membawa ciri-ciri ‘orang berpeleseran’ seperti diberikan dalam Artikel 2, *Akta Orang-Orang Papa 1977*:

- (i) seseorang yang mengemis di tempat awam hingga menimbulkan kegusaran atau mengganggu orang ramai yang biasa mengunjungi tempat tersebut; atau
- (ii) seseorang peleser yang dijumpai di tempat awam, sama ada ia mengemis atau tidak, yang tiada mata pencarian pada zahirnya atau tiada tempat tinggal atau tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Kajian ini ini mendapati terdapat kecenderungan dalam kalangan orang Melayu untuk tidak menggunakan perkataan ‘orang kurang sihat’ atau ‘orang sakit mental’ bagi merujuk orang merempat atau orang gelandang. Ini kerana mereka tidak mahu menimbulkan tanggapan yang menghina atau mengaibkan golongan tersebut. Sebaliknya, mereka mahu menghormati mereka sebagai makhluk yang dinamakan ‘manusia’ yang juga mempunyai harga diri seperti mana orang lain. Keengganan menggunakan istilah tersebut dapat dianalogi dengan kecenderungan orang Melayu menggunakan perkataan ‘khinzir’ bagi merujuk ‘babi’ sejak tahun-tahun 1990-an.

Ia boleh juga dianalogikan dengan kecenderungan orang Melayu menggunakan istilah ‘Orang Asli’ bagi merujuk orang Jakun, Sakai dan sebagainya. Orang Melayu jarang menggunakan perkataan ‘Jakun’ atau ‘Sakai’ bagi merujuk suku-suku kaum tersebut walaupun itulah istilah-istilah paling tepat bagi mereka. Di samping itu, istilah-istilah itulah paling disenangi oleh orang Jakun dan Sakai. Ini kerana orang Melayu merasakan istilah-istilah tersebut akan menghina suku-suku kaum — sebagai manusia yang hidup dalam hutan — walhal istilah ‘Orang Asli’ hanya muncul pada tahun 1954 apabila pentadbiran kolonial British menggubal *Akta Orang Asli*, 1954.

Penilaian

Apabila dibuat penilaian akan didapati bahawa advokasi oleh agensi-agensi kerajaan adalah lebih hampir dengan realiti sebenarnya dalam memperkatakan faktor-faktor gelandangan di Malaysia berbanding dengan advokasi-advokasi yang diberikan oleh pihak-pihak bukan kerajaan (NGO-NGO). Ini kerana (sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1), di samping meletakkan faktor-faktor bersifat ekonomistik seperti tidak ada peluang pekerjaan dan miskin, agensi-agensi kerajaan turut menekankan faktor-faktor masalah mental, kemurungan, penyakit melarat, ketidakupayaan mengurus diri, ditinggalkan keluarga serta penagihan dadah dan arak, bekas banduan dan warga emas sebagai faktor-faktor gelandangan. Sedangkan advokasi pihak-pihak NGO lebih menekankan faktor-faktor ekonomik, kebendaan dan aspek-aspek luaran.

Pada hakikatnya, faktor-faktor gelandangan di Malaysia berbeza daripada di negara-negara lain. Ini kerana gelandangan dalam konteks Malaysia tidaklah disebabkan oleh faktor ekonomi *per se*. Misalnya, ia tidaklah berpunca dari kemiskinan (dari segi kewangan) dan kehilangan pekerjaan. Sebaliknya, dalam konteks Malaysia kemiskinan dan kehilangan pekerjaan adalah

berpunca daripada masalah mental. Dalam realiti sebenar di Malaysia hampir satu-satunya faktor yang menyebabkan individu-individu bergelandangan adalah kerana individu-individu berkenaan mengalami masalah mental.

Kajian ini mendapati ada tiga punca utama golongan tersebut mengalami masalah mental sehingga menjadi orang gelandang: pertama, dilahirkan (penerusan secara genetik); kedua, akibat pengagihan dadah, dan ketiga, akibat pengagihan arak. Selain itu, terdapat juga segelintir daripada mereka kerana disebabkan oleh kecederaan fizikal atau/dan emosi yang sangat serius. Sehubungan itu, maklumat-maklumat yang dinukili dari kajian lapangan yang telah dijalankan menjelaskan bahawa perkara-perkara yang sering diadvokasikan oleh pelbagai pihak seperti kemiskinan, ketiadaan peluang pekerjaan, perolehan gaji yang rendah dan sewa tempat kediaman yang mahal dan kos sara hidup yang tinggi sebagai faktor-faktor yang menyebabkan orang bergelandangan itu sebenarnya bukanlah faktor-faktor *penyebab* (the cause factors) individu menjadi gelandang, sebaliknya, perkara-perkara itu sendiri adalah *kesan* daripada (effects from) masalah mental.

Penelitian secara skala yang besar mendapati advokasi-advokasi mengenai gelandangan di Malaysia oleh pelbagai pihak adalah diintimidasi atau terikut-ikut dengan apa yang berlaku di negara-negara luar. Di negara-negara lain, baik di Negara Sedang Membangun mahupun di Negara Maju, amat ketara kedudukan aspek ekonomi, terutamanya kemiskinan (dari segi kewangan) dan kehilangan pekerjaan, sebagai faktor asasi mendorong individu-individu menjadi gelandang. Menurut United Nations Centre for Human Settlements (Habitat/ 2000: 39-40):

Homelessness in high-income industrial countries is seemingly at odds with the prosperity and wealth of these countries, yet the path into homelessness can typically be traced to poverty. Only very small percentages of the homeless population are employed, ranging within the European Union from 5 per cent in Germany to 15 per cent in Belgium.

In recent decades, unemployment has been increased by mergers, international competition and changing technologies. In New York City, one quarter of the applicants to men's shelters in the 1980s were because of job loss; the city of Phoenix reported the same. In the United States of America, the minimum wage in 1991 represented only one-thirds of the poverty level for a family of four, and the least skilled are the last to be hired.

Reduction of low-income housing is another critical factor. Each year in the United States of America, 2.5 million people are displaced from their homes. Available housing is expensive, and there are few subsidies. Nearly 3 million low-income render households devote a median of 72 per cent of their income to housing costs.

Di negara-negara luar, para advokator meletakkan ketiadaan pekerjaan sebagai faktor utama mendorong individu-individu menjadi gelandang. Misalnya, Klaus Toepfer, Pemangku Pengarah Eksekutif, United Nations Centre for Human Settlements (Habitat/ 2000: iv) menyatakan:

There is little doubt that the best way to combat homelessness is to avoid people becoming homeless in the first place. As unemployment is one of the most important reasons why people homeless, national policies towards the goal of full employment

and on establishing/strengthening safety nets are major components in combating homelessness.

Jelas bahawa kenyataan yang dapat mewakili advokasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini meletakkan aspek ekonomi, iaitu ketiadaan pekerjaan, sebagai faktor paling asas mewujudkan gelandangan. Menurut advokasi ini, usaha untuk membasmi gelandangan adalah dengan cara mengadakan dasar ke arah mencapai guna tenaga penuh. Contoh advokasi lain yang meletakkan aspek ekonomi sebagai faktor asasi keberadaan gelandangan ialah seperti diajukan oleh Lee Poh Ping (2008: 64), “Unemployment in Japan was low and so were the crime, divorce and homelessness rates as compared to the rates on United States.”

Sehubungan dengan fakta-fakta yang diperoleh dari kajian lapangan maka diajukan bahawa usaha untuk menangani masalah gelandangan di Malaysia harus menggunakan pendekatan atau premis yang tidak lazim diperkatakan oleh advokasi-advokasi yang ada. Sebaliknya, usaha untuk menangani masalah gelandangan di Malaysia tidak haruslah ditangani berasaskan kaedah ekonomistik, sebaliknya, ia harus ditangani berasaskan kaedah psikologi-sosiobudaya (sociocultural-psychology). Ini kerana hampir satu-satunya faktor tunggalnya yang menjadi punca individu-individu berkenaan memilih untuk bergelandangan adalah kerana mereka mengalami masalah mental.

Oleh itu, usaha-usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak selama ini adalah berada di atas landasan premis yang silap. Usaha untuk menangani masalah gelandangan di negara ini akan terus menerus gagal sekiranya pihak-pihak yang terlibat dalam usaha ini menggunakan kaedah ekonomistik semata-mata.

Kesimpulan

Makalah ini menghujah bahawa kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh pelbagai advokasi mengenai faktor-faktor gelandangan di Malaysia seperti kemiskinan, gaji rendah, sewa tempat kediaman mahal, ketiadaan peluang pekerjaan dan kos sara hidup yang tinggi, bukanlah faktor-faktor penyebab (the causes), sebaliknya, faktor penyebabnya adalah masalah mental. Perkara-perkara yang sering diajukan oleh pelbagai advokasi sebagai ‘penyebab’ itu sebenarnya adalah ‘kesan’ (effects) daripada faktor masalah mental.

Masalah mental sebagai faktor paling fundamental yang menerbitkan gejala gelandangan di Malaysia dapat ditunjukkan dengan kes yang berlaku Bandar Raya Kuala Lumpur. Daripada kajian lapangan di bandar raya tersebut dapat ditegaskan bahawa masalah mental merupakan faktor tunggal yang menerbitkan kemiskinan, gaji rendah, sewa tempat kediaman mahal, ketiadaan peluang pekerjaan dan sebagainya yang akhirnya menyebabkan (segelintir) wujudnya individu-individu menjadi orang gelandang. Sehubungan itu, usaha untuk menangani masalah ini haruslah menggunakan kaedah psikologi-sosiobudaya (sociocultural-psychology). Penggunaan kaedah ekonomistik semata-mata hanya akan meneruskan kegagalan yang dilakukan selama ini.

Rujukan

- Ahmad Yani, N. Z. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1, 46-58.
- Ahmad Yani, N., Zahari, N., Abu Samah, N., Mohamed Azahar, M., Yasin, S., Ahmad Saman, M., & Mohd Noor, N. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1, 46-58.
- Amnan, M. (2021, Ogos 29). *Laporan Khas: Gelandangan kini masalah negara*. Retrieved from Sinar Harian: <http://sinarharian.com.my>
- Bernama. (2020, April 10). *Gelandangan di pusat penempatan sementara akan ditawarkan pekerjaan*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/519944>
- Farah Wahida, M. F., Farah Wahida, M., Faudziah, Y., Mohamad Taib, D., & Fazuran, M. (2018). *Profil Gelandangan: Satu Kajian Literatur*. Retrieved from <http://researchgate.net>
- Farah Wahida, M., & Faudziah, Y. (2015). Pengertian Hidup Golongan Gelandangan: satu kajian di Kuala Lumpur. *Proceeding of USM International Conference on Social Science* (pp. 580-591). Rainbow Paradise Beach Resort, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Inga, B. (2016). The Sense and The Practices of Living in A Homeless Shelter. *Nuovo Meridionalismo Studi*, 2, 223-225.
- Ismail, W., & Turiman, J. (2016). Physical Characteristics of Resting Places for the Homeless in Johor Bahru City Centre. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 222, 911.
- JKM. (2015). *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- JKM. (2016). *Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Johari, Y. (2021, Ogos 29). *Gelandangan Oh Gelandangan*. Retrieved from Sinar Harian: <http://sinarharian.com.my>
- Krajweska-Kulak, E., Wejda, U., Kulak-Bejda, A., Lukaszuk, C., Repka, B., & Gozowski, A. (2016). Differing Attitudes for Various Population Groups Towards Homeless People. *Prog Health Science*, 6, 57-62.
- KWP. (2014, Julai 4). *Gelandangan dapur jalanan KL*. Retrieved from Laman rasmi KWP: <http://hooliganatwork.wordpress.com/2014/07/04/gelandangan-dapur-jalanan-kl>.
- Lee, P. (2008). The Look East Policy, the Asian Crisis, and State Autonomy. In M. N. Joan, M. Jaacob, & E. Abdul Rahman, *Globalization and National Autonomy: The Experience of Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lukman, Z., & Asyikin, S. (2014). Gelandangan atau Lumpenproletariat? Memahami Masalah Kemiskinan bandar dan Fenomena Tidur di Kaki Lima Bangunan. *Proceeding of the 50th Anniversary Celebration International Conference*.
- Muhammad Faheem, M., & Muhammad Idris, B. (2017). Kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 53-62.
- Muhammad Wafi, R., & Sharifah Rohayah, S. (2017). Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 2, 78-94.

- Nanang, M. (2011). *Sosiologi Perubahan Sosial: Perspektif Klasik, Modern, Posmodern, dan Poskolobial*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Nor Amalina, M., Zaliha, H., & Yarina, A. (2016). Homeless Women in Malaysia: Their Choice or Victims of Situations. *Journal of Education and Social Sciences*, 5, 8-15.
- Oria, P., Ahmad, N., & Hamsan, H. (2014). NGOS And The Homelessness In Kuala Lumpur: Towards Moralistic Trust. *Jati-Journal Of Southeast Asian Studies*, 19, 117-127.
- Rafiza, M. (2015). *Gelandangan Antara Tret Personaliti Dan Religiosity*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- RTM. (2021, Ogos 29). *Kuala Lumpur Catat Jumlah Gelandangan Tertinggi di Malaysia*. Retrieved from <http://berita.rtm.gov.my>
- Siti Haliza, Y. (2021, Ogos 29). *Bilangan Gelandangan Dijangka Meningkatkan Kesan PKP*. Retrieved from BHarian: <http://bharian.com.my>
- Times, T. S. (2014, Jun 8). *Bahagian Asia Report*. Retrieved from The Straits Times.
- Tripple, G., & Suzanne, S. (2009). *The Hidden Millions: Homelessness in Developing Countries Housing and Society Series*. United Kingdom: Routledge.
- Wan Nor Azriyati, W., Faizah, A., Noor, R., & Wang, H. (2011). Pembasmian Kemiskinan Bandar ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2, 107-124.
- Wong, K. (2020, April 17). *Penempatan sementara, bantuan makanan dan gelandangan KL*. Retrieved from Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/521104>.
-